

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KUB KE-12

TEMPAT: DEWAN MUKTAMAR, PUSAT ISLAM MALAYSIA, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 12 SEP 1992

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana menjemput saya pada pagi ini dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Usaha Bersatu (KUB) ke-12 ini.

2. Kini lebih daripada setahun berlalu semenjak kita melancarkan semula KUB untuk memberi nafas baru kepada koperasi ini di samping mengusahakan kempen menambahkan bilangan ahli.

3. Pergerakan koperasi merupakan satu dimensi penting di dalam proses pembangunan negara. Di bidang pertanian misalnya kaum tani menggembelngkan tenaga melalui koperasi pertanian demi mempertingkatkan penjualan hasil mereka dengan lebih cekap. Juga koperasi pengguna ditubuhkan untuk memanfaatkan ahli-ahlinya mendapatkan bahan makanan pada harga borong. Perkembangan koperasi di era perindustrian yang pesat haruslah sejajar dengan keadaan, selera dan kehendak masyarakat yang semakin canggih.

4. Kita dapati bahawa apabila prinsip-prinsip yang mendorong pembentukan dan pembangunan koperasi dipraktikkan dengan bersungguh-sungguh dan jujur, pergerakan koperasi tidak mungkin pupus. Prinsip asas koperasi ialah satu pergerakan oleh pengguna untuk pengguna. Sekelompok masyarakat menggembelngkan sumber-sumber mereka yang terhad untuk melepasi cengkaman orang tengah dan menjaminkan harga dan pulangan yang lebih baik, atau pinjaman yang lebih murah, untuk ahli-ahlinya. Koperasi pada lazimnya bermula dengan tujuan yang baik.

5. Tujuan koperasi bukan untuk mencari keuntungan yang besar tetapi untuk mengurangkan kos sara hidup ahli-ahlinya. Secara tidak langsung pengurangan kos kepada ahli adalah sama dengan keuntungan. Keuntungan yang didapati oleh koperasi adalah suatu bonus.

6. Sejarah pergerakan koperasi dan penutupan Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) merupakan salah satu babak hitam di dalam pembangunan koperasi di Malaysia. Pengalaman itu tidak patut dilupakan dan dibiarkan berulang. Saya percaya kegagalan KPD masih tidak lekang daripada ingatan kita. Enam tahun dahulu Bank Negara terpaksa membekukan harta 24

KPD yang mengalami keadaan kewangan yang runcing kerana pengurusan yang tidak cekap, kekurangan pengalaman dan profesionalisme, tindakan yang kurang bijak dan di dalam banyak kes, rasuah yang nyata. Banyak KPD diletakkan di bawah kuasa penerima dan beberapa pemimpin yang korup dipenjarakan.

7. Kehidupan ramai orang habis musnah dan ramai keluarga hilang semua simpanan yang mereka kumpulkan dengan susah payah. Hampir 600,000 penyimpan hilang lebih daripada 1.5 billion ringgit. Kerajaan telah mengetatkan peraturan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi. Tetapi soalnya ialah mengapa penyelewengan sedemikian berlaku? Banyak pengajaran berguna boleh ditimba dengan merenung kembali kesilapan masa lampau dan memusatkan kembali perhatian kita kepada prinsip-prinsip koperasi yang boleh menentukan kejayaan.

8. Prestasi KUB pula harus dinilai semula. Pada awal tahun 1980an KUB dan anak-anak syarikatnya mempunyai harta sebanyak 1.4 billion ringgit. Tetapi di dalam tahun-tahun kebelakangan, KUB mengalami pergurusan yang lemah hinggakan pada tahun lepas, tahun KUB dilancarkan semula, harta Kumpulan KUB merosot. Di samping itu, Kumpulan KUB mempunyai kerugian terkumpul sebanyak 95 juta ringgit dan tanggungan sebanyak 120 juta ringgit.

9. Jelas sekali bahawa perniagaan dan politik tidak boleh dicampur aduk secara langsung. Tugas dan tanggungjawab politik ialah menyediakan prasarana dan kemudahan-kemudahan lain supaya perniagaan dan ekonomi dapat tumbuh dengan sihat. Ada pihak yang berpendapat bahawa jika kuasa politik dapat digunakan oleh mereka maka keuntungan besar akan diperolehi. Justeru itu peniaga sering meminta ahli politik yang berkuasa supaya menyalahgunakan kuasa mereka bagi kepentingan peniaga tertentu. Jika ini berlaku, akhirnya akan rosaklah ekonomi negara dengan dilanda oleh kegiatan rasuah yang meluas.

10. Saya berharap pemimpin-pemimpin KUB yang berwajah baru akan muncul di barisan hadapan pergerakan koperasi di Malaysia. Inilah masanya bagi Bumiputera yang jujur tampil ke depan untuk memegang teraju kepimpinan di dalam KUB dan menjadikannya sebuah pertubuhan yang kukuh dan mampu bukan sahaja untuk menarik ahli-ahli Bumiputera tetapi juga kaum bukan Bumiputera.

11. Saya percaya ahli-ahli pengarah KUB yang baru memiliki kecekapan iktisias. Tetapi saya ingin menyeru kepada pengarah-pengarah supaya sentiasa mengikuti perkembangan dan aliran terkini di dalam pembangunan ekonomi dan di dalam industri dan pasaran kewangan. Jika kita menyalahkan kemelesetan ekonomi di dalam tahun-tahun 1985 dan 1986 sebagai salah satu sebab utama kegagalan KPD, kita bukan sahaja memilih jalan keluar yang mudah tetapi juga membuat suatu penilaian yang salah. Banyak negara mengalami kemerosotan ekonomi yang lebih teruk daripada Malaysia

tetapi pergerakan koperasi mereka tetap kukuh. Terdapat koperasi di Malaysia yang berjaya mengharungi zaman meleset dan masih berjalan dengan baik masa kini.

12. Memang benar jika dikatakan bahawa semua orang menghadapi masalah di dalam zaman meleset. Tetapi koperasi yang gagal ialah koperasi yang membuat pelaburan di dalam sektor yang tidak tepat pada masa itu seperti hartanah dan bangunan dan terlibat dengan anak syarikat atau perniagaan yang mengalami kerugian atau yang gagal menghasilkan pendapatan. Pelaburan hendaklah setakat yang mampu sahaja. Demi untuk mengejar keuntungan yang cepat, ada pula koperasi yang terlibat di dalam urusan kewangan yang kompleks yang sebenarnya merupakan urusniaga di atas kertas sahaja.

13. Pendek kata kebanyakan koperasi tidak peka kepada selok-belok dunia perniagaan dan gagal untuk mentafsirkan petanda-petanda ekonomi dengan betul. Di sebaliknya, terdapat koperasi yang berjaya mengharungi kemerosotan ekonomi dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh hari ini. Jadi, selain daripada pemimpin yang cekap, jujur dan tidak bermain politik, kejayaan sesebuah koperasi bergantung kepada kepekaan terhadap perniagaan. Kepekaan terhadap perniagaan bermakna koperasi sepatutnya dikendalikan seperti syarikat persendirian, iaitu membuat keuntungan dan membayar dividen kepada ahli-ahli. Kerajaan tidak akan menanggung beban kerugian institusi kewangan, baik koperasi, syarikat mahupun badan berkanun. Sekiranya ini dilakukan, maka kita akan menggalakkan institusi yang tidak cekap.

14. Kerajaan telah menggubal beberapa rancangan ekonomi seperti Dasar Pembangunan Negara dan Rancangan Malaysia Keenam selaras dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Satu unsur penting di dalam Wawasan 2020 ialah usaha untuk meningkatkan kemampuan dan kebolehan kaum Bumiputera untuk mengendalikan harta kekayaan mereka dengan baik. Malaysia tidak mungkin berjaya menjadi sebuah negara maju jika kaum Bumiputera masih belum berjaya mengendalikan harta kekayaan mereka seperti kaum bukan Bumiputera. Dalam hal ini koperasi merupakan satu bidang yang baik bagi kaum Bumiputera untuk mempelajari cara-cara dan pendekatan untuk mengatasi kelemahan pengurusan, pembentukan ciri-ciri keusahawanan dan sebagainya.

15. Apakah kunci kepada kejayaan sesebuah koperasi? Adakah ia terhad kepada menggunakan pengaruh politik? Pemimpin-pemimpin KUB harus sentiasa mengenalpasti bidang-bidang pelaburan yang baru demi untuk menentukan koperasi mereka dapat berkembang, terus kukuh dan relevan di dalam era 1990an dan seterusnya.

16. KUB hendaklah menceburkan diri di bidang-bidang yang mempunyai banyak potensi di samping memberi peluang kepada mereka yang kurang bernasib baik untuk memajukan diri mereka. Ini sejajar dengan semangat yang mendorong penubuhan koperasi.

17. Penglibatan di dalam industri pendidikan bukan sahaja merupakan langkah yang bijak daripada segi kewangan tetapi juga memenuhi keperluan pendidikan di kalangan kaum Bumiputera lepasan sekolah. Saya harap lebih banyak kolej swasta akan ditubuhkan di seluruh negara mengikut jejak Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Namun, kefasihan dalam bahasa Inggeris perlu diberi perhatian.

18. Pendidikan merupakan salah satu tunjang di dalam usaha kita menjadi sebuah negara yang maju. Saya gembira melihat kursus-kursus peringkat diploma dan sijil diperkenalkan di dalam bidang-bidang perakaunan, pengurusan perniagaan, sains komputer dan pengurusan pejabat. Kursus-kursus baru yang memenuhi keperluan ekonomi kita yang pesat berkembang juga harus diperkenalkan.

19. Pergerakan koperasi di Malaysia kini mempunyai empat juta orang ahli dan mempunyai banyak potensi untuk berkembang. KUB hendaklah memainkan peranan yang besar di dalam memulihkan keyakinan ahli-ahli di dalam pergerakan koperasi. Sungguhpun bilangan ahli KUB meningkat daripada 112,000 kepada 116,000 semenjak kita melancarkan semula koperasi ini pada tahun lepas, pertambahan ini agak kecil. Kebanyakan ahli melabur kurang daripada 1,000 ringgit, malah ada yang melabur hanya 100 ringgit. Tabung pelaburan masih kecil, kira-kira 20 juta ringgit, dan ini menyulitkan usaha untuk mencebur diri di dalam bidang-bidang yang memerlukan pelaburan yang tinggi. Cabaran untuk tuan-tuan dan puan-puan ialah untuk memberi nafas baru kepada koperasi ini. Di dalam zaman perubahan yang pesat, di mana komputer yang dianggap canggih pada hari ini sudah menjadi usang di hari esok dan bidang-bidang teknologi dan kewangan turut mengalami perubahan yang pesat, adakah KUB bersiap sedia untuk menghadapi cabaran zaman perubahan?

20. Kita berada di ambang perubahan yang besar menjelang abad ke-21. Apakah prestasi koperasi daripada segi keahlian, tabung pelaburan dan pulangan kepada ahli pada akhir-akhir ini? Wawasan 2020 memerlukan kecemerlangan di dalam berbagai-bagai bidang untuk memastikan kita dapat memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat Malaysia. Ramai rakyat Malaysia menaruh kepercayaan kepada tuan-tuan dan puan-puan dengan melabur di dalam KUB. Mereka berharap tuan-tuan dan puan-puan akan menghormati kepercayaan tersebut.

21. Dalam menentukan kejayaan, KUB harus membentuk budaya korporat yang tersendiri. KUB perlu matlamatnya yang tersendiri, mempunyai kefahaman yang jelas mengenai peranan yang boleh dimainkan di dalam pembangunan ekonomi Malaysia, dan mengatur strategi yang berkesan untuk mencapai matlamat-matlamatnya. Untuk melaksanakan kesemua ini, KUB memerlukan kakitangan yang taat kepada organisasi dan juga kepada perjuangan pergerakan koperasi.

22. Hanya dengan pengurusan yang lebih cekap dan khidmat

kakitangan yang lebih baik sahaja yang boleh menjamin kejayaan KUB untuk menarik lebih ramai ahli dan menambahkan tabung pelaburan.

23. Budaya korporat yang dinamik sepatutnya menggabungkan falsafah dan etika kerja yang terbaik daripada Timur dan Barat. Khususnya, KUB seharusnya menunjukkan kesetiaan dan komitmen yang tinggi kepada organisasi, dan berpandangan jauh dan mempunyai mission yang jelas. Ambillah risiko, tetapi janganlah cuba meraih keuntungan yang cepat kerana selalunya keuntungan yang cepat mudah bertukar menjadi kerugian yang cepat dan besar. Pandangan jangka panjang sepatutnya tidak hanya mengutamakan keuntungan tetapi juga matlamat-matlamat KUB yang lain seperti menambahkan bilangan ahli, memajukan pergerakan koperasi, dan memberi perkhidmatan serta memelihara kebajikan ahli.

24. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Tahunan Koperasi Usaha Bersatu Ke-12.